

# Martabatkan syiar Islam tumpuan Tuanku

UM 17-5-12/35/1/02/10 - Tuanku Syed Sirajuddin

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI

**PERLIS** merupakan negeri yang dilimpahi pelbagai nikmat pembangunan secara menyeluruh termasuk dalam sektor pertanian, pembuatan dan pendidikan sebagai prospek kemajuan masa depannya.

Selari dengan usaha dalam menjaga pembangunan dan sumber ekonominya, Perlis juga memberi penekanan kepada perkembangan syiar Islam sebagai teras dalam pentadbiran negeri.

Inilah keunikan Perlis di bawah payung pemerintahan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail yang tetap mengambil berat terhadap sebarang aktiviti melibatkan agama Islam selaras dengan kedudukannya sebagai agama rasmi di Malaysia.

Selaku ketua agama di negeri ini, baginda sentiasa meminta rakyat menghayati Al-Quran sebagai teras dalam membangunkan negeri.

Malah, Tuanku Syed Sirajuddin memastikan pemerintahan negeri sentiasa berkait rapat dengan Islam yang diibaratkan sendi dalam melaksanakan tanggungjawab kepada rakyat.

Justeru, rakyat khususnya umat Islam di Perlis sentiasa disarankan supaya menjadikan agama sebagai keutamaan dalam apa sahaja bidang yang diceburi sehingga nampak begitu jelas peranan dan fungsi baginda dalam memelihara ketinggian dan kesucian Islam melalui penzahiran tindakan dan pengalaman baginda.

Transformasi Islam di Perlis telah lama berkembang sejak tertubuhnya Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) pada 1920.

Seterusnya, kesinambungan memartabatkan Islam di Perlis dipikul oleh Tuanku Syed Sirajuddin apabila baginda memegang tampuk MAIPs sebagai Yang Dipertua ketika menjadi Raja

Muda Perlis pada 1986.

Selepas dimasyurkan sebagai Raja Perlis pada 17 April 2000, baginda terus meletakkan kepentingan agama Islam dalam mentadbir negeri Perlis.

Dalam mempertahankan kesucian agama dan ketinggian Islam bersendikan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*, bersesuaian dengan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perlis, baginda sentiasa memberikan tumpuan tidak berbelah bahagi terhadap apa sahaja aktiviti keagamaan termasuk majlis yang menjadi wadah dan wahana memartabatkan Islam.

Walaupun mengamankan tanggungjawab Yang Dipertua MAIPs kepada anakanda baginda, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada 14 Disember 2001, agenda memartabatkan Islam tetap di hati Tuanku Syed Sirajuddin.

Sebagai agama yang lengkap dan sempurna, sehingga dunia juga banyak mempelajari cara hidup umat Islam yang suci, Perlis juga tidak terkecuali melangkah ke era pembangunan berlandaskan Islam.

Pegangan dan contoh terbaik daripada sudut Islam menjadi ikatan rakyatnya dalam melaksanakan sesuatu agenda termasuk pembangunan selaras dengan keperluan semasa.

Sehubungan itu, baginda sentiasa mengimbau kejayaan dan kehebatan pemimpin Islam pada masa lampau sebagai contoh terbaik kepada rakyat.

Bagi melahirkan rakyat yang cemerlang, baginda sentiasa menyarankan generasi muda khususnya para pelajar supaya tidak memisahkan aspek ketaatan kepada agama ketika mengejar kecermerlangan akademik.

Ketika bertitah kepada pelajar pada *Konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Ke-6* di Ulu Pauh, Arau, baginda

menyentuh tentang penguasaan ilmu pengetahuan dan ketaatan kepada agama yang perlu bergerak seiring ibarat laut dengan pantai.

"Kita seharusnya sedar bahawa senario hari ini menyaksikan keputusan peperiksaan cemerlang belum menjamin graduan untuk diterima di alam pekerjaan, sebaliknya, kemurnian sahsiah diri akan membantu graduan menghadapi cabaran dalam kerjaya dan memastikan kebolehan pasaran mereka pada masa kini," titah baginda.

Bagaimanapun, sejajar perubahan persekitaran global yang berhadapan dengan pelbagai cabaran *monumental* yang menuntut kepada perubahan dan *islah*, badan atau majlis agama Islam juga memerlukan perubahan tertentu.

Ketika merasmikan *Konvensyen Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan 2012* di Kangar, Tuanku Syed Sirajuddin pernah menyarankan Majlis Agama Islam di seluruh negara mengkaji inisiatif baharu bagi memperkukuh keupayaannya, terutama dalam sektor ekonomi dan pendidikan.

Menurut baginda, bagi mencapai hasrat itu Majlis-majlis Agama Islam perlu menganalisis isu dalam bidang ekonomi dan pendidikan mengikut perkembangan semasa.

"Kedudukan Majlis-majlis Agama Islam di bawah naungan Raja-raja adalah jaminan bahawa dasar-dasar yang dirangka lahir daripada institusi yang dihormati rakyat," titah baginda.

Di bawah naungan Raja berjiwa rakyat, MAIPs sentiasa optimis untuk melaksana proses transformasi setelah baginda memberi penekanan supaya majlis tersebut melaksanakan perubahan secara holistik bermula pertengahan tahun 2011.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan

Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), diminta mengenalpasti kaedah dan mekanisme terbaik ke arah melaksanakan transformasi MAIPs.

Transformasi MAIPs secara berfasa, diperkuat dengan gagasan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemacu transformasi ummah yang dijangka di dalam Kongres MAIN Seluruh Malaysia Kali Pertama pada 26 dan 27 September 2011.

Berikutan itu, MAIPs kini menuju transformasi dengan melaksanakan beberapa program fasa transformasi seperti Hijrah Minda, Seminar Jihad Bisnes dan Wakaf Korporat dan Konvensyen Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan 2012.

Hasilnya, program memartabatkan agama Islam harus menjadi agenda semua umat Islam khususnya di negeri Perlis.

Baginda mahukan rakyat memahami bahawa tugas dan tanggungjawab memartabatkan agama Islam bagai tiada kesuda-

han dan perlu diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.

Tanggungjawab tersebut perlu berakar umbi dan tumbuh subur untuk membuah hasil yang dapat dikongsi oleh semua umat Islam.

Ibarat seperti sungai, agenda memartabatkan agama Islam di Perlis seharusnya dibiarkan terus mengalir tanpa sempadan untuk kenikmatan negeri dan rakyatnya.

Berdasarkan kehebatan Islam yang menjadi tonggak pemerintahan dan pentadbiran berkesan, agama suci itu perlu dipertahan, diperkasakan supaya menjadi tonggak dalam menjana pembangunan sosio-ekonomi Perlis yang menuju era pemodenan.

Ternyata, sikap keprihatinan Tuanku yang memberi penekanan kepada pentadbiran berteraskan Islam, mampu melonjakkan Perlis sebagai negeri yang dihormati dan disegani.

**DAULAT TUANKU....**

## Info

MAIPs sememangnya menjalankan tanggungjawab dalam amanah yang diberikan dengan berkesan kepada golongan asnaf yang memerlukan seperti berikut:

- Bantuan MAIP untuk tempoh Januari-April 2012
- Bantuan rumah sebanyak RM504,000 untuk 18 buah rumah
- Bantuan membeli rumah sebanyak RM698,895 untuk 77 buah rumah manakala bantuan sara hidup RM364,820 kepada 625 orang
- Bantuan serta merta pelajaran sebanyak RM482,700 untuk 498 pelajar. Jumlah bantuan keseluruhan yang dibelanjakan termasuk kepada asnaf fi sabillillah, zakat *taawun* ialah RM17 juta

